

Headline	Malaysia sasar bebas AIDS menjelang 2030		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	22	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	293 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,061
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,183



Malaysia sasar bebas AIDS menjelang 2030

Putrajaya: Malaysia komited untuk menjadi negara bebas HIV dan AIDS menjelang 2030, sejajar dengan Deklarasi Politik Mengenai HIV & AIDS Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Deklarasi bertemakan 'Sasaran Di Atas Landasan Pantas Untuk Mempercepat Usaha Memerangi HIV dan Mengakhiri Wabak AIDS Menjelang 2030' itu mungkin mampu dicapai lebih awal berdasarkan trend penurunan kes baharu HIV sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam, berkata deklarasi itu dibuat pada Mesyuarat Peringkat Tertinggi PBB Mengenai AIDS di New York, Amerika Syarikat bulan lalu.

Catat penurunan

"Malaysia mencatatkan penurunan kes daripada nisbah 21.7 dalam setiap 100,000 penduduk pada 2000 kepada 10.9 dalam setiap 100,000 penduduk pada 2015 dan kita akan mempergiatkan usaha untuk menurunkan lagi kadar itu.

"Antara strategi yang akan dilaksanakan, termasuk mengukuhkan program pengurangan mudarat dan pencegahan kepada kumpulan berisiko, merangkumi penagih dadah menggunakan jarum suntikan, pekerja seks wanita, transgender dan gay," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Beliau menjelaskan, pekerja seks wanita menjadi penyumbang terbesar kepada kes baharu HIV iaitu sehingga 70 peratus, berbanding oleh penagih dadah sebelum ini.

Kerjasama dengan NGO

"Kita akan terus bekerjasama erat dengan beberapa badan bukan kerajaan (NGO) untuk mencapai golongan berisiko ini supaya mereka mengambil langkah pencegahan dan membuat saringan HIV.

"Semua hospital kerajaan dan klinik kesihatan menawarkan perkhidmatan saringan HIV dan kita akan memperluaskan perkhidmatan ini di Klinik 1Malaysia, komuniti dan NGO yang dilatih Kementerian," katanya.

Headline	Malaysia sasar bebas AIDS menjelang 2030		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	22	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	293 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,061
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,183

Fakta nombor

170,000
PENAGIH
dadah menggunakan jarum suntikan

230,000
PEKERJA
seks wanita, golongan transgender, gay

Individu berisiko pembawa HIV

Saringan HIV percuma di 309 Klinik 1Malaysia

Keratan akhbar BH pada 20 Jun lalu.



Kita akan terus bekerjasama erat dengan beberapa badan bukan kerajaan (NGO) untuk mencapai golongan berisiko ini”

Dr S Subramaniam,
Menteri Kesihatan